

Berita dan kegiatan persatuan ...

Kelahiran Puteri Islam direstui sudah

Laporan
ASIAH
MAHMUD



● Kumpulan Nasyid LKPI Pahang. Penyanyi utama Julia Adzlan (nombor dua dari kanan). Kanan sekali adiknya Amy Rosahada.



● Pantomin 'Kelahiran Puteri Islam' dan menunjukkan Islam adalah agama kemajuan yang membawa kebahagiaan insan di dunia dan akhirat.

Gambar2 oleh YUSOF OMAR

BERIMAN, Beramal dan Berkhidmat, tiga orang kata Pergerakan Puteri Islam memberi erti yang besar kepada gadis-gadis Islam di tanah air.

Ya membuktikan pegangan hidup puteri-puteri Islam dalam mengharungi zaman yang serba mencabar bersandarkan kepada prinsip-prinsip Islam demi kebahagiaan dan kejayaan dunia dan akhirat.

Gadis-gadis Islam kini, meski standing dan kalah lebih maju ke hadapan dari gadis-gadis lain dalam semua bidang pekerjaan, pelajaran dan kegiatan sosial selagi ia tidak bercanggah dari ajaran Islam.

Mereka mesti membuktikan bahawa agama Islam bukan agama kemurahan seperti yang ditohmah oleh orang-orang Barat. Islam mesti dibuktikan sebagai agama kemajuan dan ini hanya dapat dilakukan oleh penganut yang benar-benar memahaminya dan mengamalkan ajaran Islam.

Pesanan
Adalah menjadi tanggungjawab puteri-puteri Islam membuktikan gambaran yang jelas bahawa Islam bukan agama yang hanya memementingkan amalan yang pusing-mengeluarkan zakat, menaikan tardu haji



● Puteri Islam gagah berani dan bijaksana, merestui peluang yang disediakan di semua bidang kerjaya tanpa memcerminkan ciri-ciri dan peribadi muslimah.

dan bertabiah sahsah tetapi ia merangkumi segala aspek kehidupan. Segala perbuatan, amalan dan kegiatan umat kebaikan diri, bangsa dan negara adalah juga amal ibadat yang dituntut dalam Islam. Guna-kannya akal dan fikiran yang diberi Allah dengan sewaranya un-

tuk mencari keredaan Allah dan kesempurnaan hidup di dunia. Pesanan ini digambarkan dalam persembahan pentomin bertajuk 'Kelahiran Puteri Islam' hasil karya Enek Bidin Subari, di bawah Canselor Tun Haji Abdul Raak Universiti Kebangsaan

Malaysia, Bangi pada 17 Jun lalu, hari pelancaran Pergerakan Puteri Islam oleh Raja Permaisuri Agong. Majlis pelancaran itu dihadiri pembesar-pembesar negara termasuk Raja-raja Perempuan, Sultanah-sultanah, Tunjika Ampuan Besar dan Tunku Puan Besar

Kursiah, isteri-isteri Yang Dipertua dan Isteri-isteri Menteri Besar dan Ketua Menteri. Pentomin Kelahiran Puteri Islam cuba menggambarkan kehidupan sebenar gadis-gadis Islam menurut pandangan Enek Bidin Subari. Seperti kata Pengurus Pergerakan Puteri Is-

lam, Tun Puan Norshahin Ismail, gadis Islam akan dididik supaya bertakwa kepada Allah dan bukannya melakukan sesuatu, kerana takutkan agama atau orang lain. Segala perbuatan itu hendaklah datang dari hati yang takut kepada Allah sahaja. Pelajar-pelajar dari Sekolah-Tungku Ampuan Kelang, Sekolah Seri Puteri, Kuala Lumpur dan Sekolah Menengah Vokesayani, Kelang mengambil bahagian dalam persembahan itu.

Bencana
Kanak-kanak yang begitu muda ini diajar bagaimana perasaan hasad dengki boleh merasakan perpecahan ummah. Sebagai ahli dalam masyarakat Islam, mereka bertanggungjawab menyelesaikan segala perbalahan dan perpecahan yang boleh memisahkan masyarakat.

Puteri-puteri Islam harus memelihara keharmonian mereka selama ini di dalam bidang sukan. Mengingat boleh dinafikan, bidang sukan hanya dimonopoli oleh bangsa lain baik lelaki atau perempuan.

Sajak yang mengiringi pentomin itu menerangkan bahawa kegiatan sukan menajadkan badan sihat dan cergas. Hanya dengan

tubuh badan yang sihat sahaja, seseorang itu boleh bergerak cergas bagi menjalankan kegiatan lain yang memberi faedah.

Bidang pelajaran juga harus ditorokkan sepenuhnya. Puteri-puteri Islam harus merestui peluang pendidikan tinggi yang disediakan demi kesempurnaan hidup mereka masa depan. Zaman sekarang, gadis-gadis Islam tidak seharusnya bertirikan sempit. Pelajaran adalah kunci hidup mereka.

Tanpa pelajaran yang sempurna, hidup mereka mungkin kerubang akibat kekurangan becahara menimpa. Hanya pelajaran yang kukuh boleh menjamin pekerjaan yang akan mereka jawat kelak.

Selain itu, bidang kerja mestilah direbut dan dijawab walaupun banyak rintangan dihadapi. Semua pekerjaan adalah halai akhirnya ia mengemukakan dan akan fikiran kita dengan cara yang diresti Allah.

DUNIA-RAYA
wanita
SUNTINGAN ZUBAIDAH ABDUL RAHMAN